UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PIONEERING EDUCATIONAL PERSPECTIVES

Series 2025

THE World University Rankings 2023 TOP 1501+
TOP 128 UI GreenMetric
MDEC Premier Digital Tech Institution
THE IMPACT RANKINGS 2022 TOP 101-200
MyRA

PIONEERING EDUCATIONAL PERSPECTIVES

Series 2025

Chief Editors:
Nur Alyani binti Khairol Anuar
Muhammad Irfan bin Mokhtar

Editors:
Aqeela binti Ahmad Kamiri
Hawa Syamsina binti Md Supie
Nurul Nadiah binti Rasdi
Qistina Azra binti Mohani
Siti Aishah binti Taib
Nurul Hijah binti Jasman
Siti Mariam binti Mohammad Iliyas

Published by:
Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA
Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang, Jalan Purnama,
Bandar Seri Alam, 81750 Masai, Johor Darul Ta'zim.
07-3818455
edgii.apbpg@gmail.com

Copyright © Pioneering Educational Perspectives: Series 2025

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced in any form or by electronic or mechanical means, including information storage and retrieval systems, or transmitted in any form or by any means, without the prior permission in writing from the publisher.

e-ISBN : 978-967-0033-31-0

Published date: 2025

Chief Editors:
Nur Alyani binti Khairol Anuar
Muhammad Irfan bin Mokhtar

Editors:
Aqeela binti Ahmad Kamiri
Hawa Syamsina binti Md Supie
Nurul Nadiah binti Rasdi
Qistina Azra binti Mohani
Siti Aishah binti Taib
Nurul Hijah binti Jasman
Siti Mariam binti Mohammad Iliyas

Published by:
Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang, Jalan Purnama, Bandar Seri Alam, 81750 Masai, Johor Darul Ta'zim.
07-3818455
edgii.apbpg@gmail.com

Preface

Pioneering Educational Perspectives: Series 2025 is a collection of thought-provoking insights and research contributions exploring contemporary educational trends and practices. This eBook presents a diverse range of perspectives on innovative teaching methodologies, digital learning strategies, and transformative approaches in education. Designed to serve as a resource for educators, researchers, and practitioners, it aims to inspire meaningful discussions and advancements in the field. Through carefully curated chapters, this publication offers fresh ideas and practical solutions to enhance learning experiences in an ever-evolving educational landscape.

e-ISBN: 978-967-0033-31-0

KIT PEMBELAJARAN KEA (KENALI EMOSI ANDA) 258

Masni binti Jamin[1,*], Nooraini binti Ab. Latif [2], Fathimatuzzahra' binti Mohd Zabidon[3], Nurul Atiqah binti Muhamad Nujeib[4], 'Irdina binti Shariful Anuar[5] 258

SIMBA 261

Zarkashi bin Junaidin[1], Nur Dania Qistina binti Nor Shafizul Adli[2] & Puan Masni binti Jamin[3] 261

i-FleQ: INFOGRAFIK FLEKSI AL-QURAN 265

Khadijah Yusop[1,*], Mohd Fauzi Abdul Hamid[2] & Mohd Firdaus Yahaya[3] 265

EASY MATHWAY FORMULAE MODULE 269

[1]Pavithra A/P Kanabathi, [2]Shivani A/P Batumalai, [3]Ranjitha Lakshmi A/P Rajacrcha Kumar & [4]Jyothsheny Selvam 269

e-LAGU SERONOK, KOSA KATA MANTAP! *e-SONGS FUN, VOCABULARY STRONG!* 273

Viannie Tongguritom[1] & Minah Sintian [2*] 273

THE IMPLEMENTATION OF ECO READER QUEST MODULE TO ENHANCE STUDENTS' AWARENESS OF SUSTAINABLE PRACTICES 277

Nurmiza bt Rifayudeen[1,], Sharifah Radiyah bt Sayed Hasan[1], Dayini Dhabitah bt Zamil[1], Nur Syuhadah bt Syamsul Kamal[1] & Siti Aisyah bt Roslan[1*] 277

MARI MENGEJA BERSAMA-SAMA AYU 281

Roziah binti Ramli[1], Nur Amylia Natasya Mohamad Yusrie[2], Sarah Nabilah binti Mohd Mazni[3] Nur Hana Aliesha binti Muhd Hasanuddin [4] & Muhamad Danish bin Norahairuzan[5] 281

DEVELOPING ENGLISH COURSEWARE FOR LOWER SECONDARY SCHOOL STUDENTS: TEACHING PREPOSITIONS OF MOVEMENT IN EMAIL WRITING USING THE ADDIE MODEL ... 286

Muhammad Hafiz Mohd Zaki[1] 286

QUIZXPERT 290

Tharsinii Jayasilan[1] & Moganashwari Kandasamy[2] 290

ANIMATION VIDEO FOR VOCABULARY LEARNING 294

Nurain Khairina Zulkhairi[1] & Moganashwari Kandasamy[2] 294

UNLOCKING WORDS: THE VAK MODEL IN ACTION 298

Saiyidah Nafisah Mohd Nadzori[1], & Moganashwari Kandasamy[2] 298

VOCABVAULT : Enhancing Pre-service Teachers Vocabulary 302

Balqis Nur Aliah binti Misbah[1] & Moganashwari Kandasamy[2] 302

WHO VS. WHOM CHECKER 305

Nur Syazrina binti Ahmad Zubir[1] & Moganashwari Kandasamy[2] 305

SPARKLE READS TO IMPROVE PUPILS READING COMPREHENSION 309

Nurul Adawiyah Binti Abdul Manaf[1], & Dr Moganashwari Kandasamy[2] 309

VOCABULARY ENHANCEMENT THROUGH LITTLE GENIUS: WORD POWER 312

Nur Salsabila Irdina Binti Mohd Salleh[1] & Moganashwary Kandasami[2] 312

PHONICS PLAYLAND: AR FOR LEARNING PHONICS 316

e-ISBN: 978-967-0033-31-0

SIMBA

Zarkashi bin Junaidin[1], Nur Dania Qistina binti Nor Shafizul Adli[2] & Puan Masni binti Jamin[3]

Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Perlis

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan inovasi digital yang dinamakan SimBa sebagai bahan bantu mengajar (BBM) yang berpotensi untuk meningkatkan penguasaan simpulan bahasa dalam aspek seni bahasa, bahasa Melayu murid sekolah rendah. SimBa juga merupakan inovasi yang berupaya menjadikan pembelajaran simpulan bahasa menjadi lebih menyeronokkan dan harmoni sejajar dengan teknik didik hibur. Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan simpulan bahasa yang inovatif mampu memampankan kemahiran berbahasa murid ke arah yang lebih optima. Penghasilan inovasi ini muncul setelah melihat sebuah inovasi berkait simpulan bahasa juga yang dinamakan T.Kaber Simpulan Bahasa oleh Puan Elly melalui aplikasi *Youtube*. Namun begitu, inovasi tersebut berbentuk maujud, maka SimBa telah terhasil sebagai inovasi yang berbentuk digital bagi tujuan membantu murid menguasai simpulan bahasa.

KATA KUNCI: SimBa, Bahasa Melayu, Teknik didik hibur, Simpulan bahasa, Murid sekolah rendah

MASALAH DAN OBJEKTIF

Bahan bantu mengajar (BBM) sememangnya menjadi satu kebutuhan keperluan khusus dalam menjamin kualiti pembelajaran pada masa kini. Hal ini kerana, kaedah *chalk and talk* yang dianggap sebagai kaedah konvensional dalam pelaksanaan Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) yang tidak bermodalkan sebarang bentuk BBM adalah tidak relevan dengan pembelajaran masa kini. Menurut Rabaah Abdullah, Wan Noorlizawati dan Adnan Jusoh (2021), guru perlu menguasai pelbagai bentuk teknik pengajaran dan bukannya cemerlang akademik sahaja. Sehubungan dengan itu, penggunaan BBM hendaklah menjadi satu keperluan dalam PdPc masa kini kerana mewujudkan didik hibur. Penggunaan BBM yang menyatu padukan elemen video dan slaid *PowerPoint* berupaya untuk menarik minat dan fokus pelajar di samping menggalakkan pemikiran kritis (Rabaah Abdullah, Wan Noorlizawati dan Adnan Jusoh, 2021). Maka dengan itu, aplikasi *PowerPoint* merupakan aplikasi digital yang sesuai digunakan sebagai BBM pada era yang berpaksikan teknologi kini. BBM dihasilkan bagi tujuan membantu guru mengatasi masalah pembelajaran bagi pelbagai jenis topik seperti tatabahasa, kemahiran menulis, kemahiran bertutur, begitu juga dengan simpulan bahasa. Berdasarkan kajian oleh Hamsiah Juki dan Che Ibrahim Salleh (2017), dapat disimpulkan bahawa penguasaan simpulan bahasa di sekolah kebangsaan didapati sangat lemah. Perkara ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor seperti penggunaan kaedah konvensional oleh guru dalam pengajaran bahasa Melayu. Guru sewajarnya menggunakan BBM yang bersesuaian dengan topik pembelajaran kerana kaedah konvensional hanya akan membantutkan pemikiran kritis murid. Setelah mengambil kira setiap permasalahan yang berlaku, penghasilan BBM digital menjadi satu jalan penyelesaian yang efektif bagi mengatasi masalah murid kurang menguasai simpulan bahasa. Inovasi SimBa juga dihasilkan melalui aplikasi *PowerPoint* dengan mengambil kira kesesuaiannya dengan kaedah pendidikan masa kini. Inovasi ini tidak

e-ISBN: 978-967-0033-31-0

lain tidak bukan bertujuan untuk membantu guru dan murid dalam memastikan proses PdPc yang bertopikkan simpulan bahasa menjadi lebih optima dan berkesan.

PENERANGAN REKA BENTUK

Inovasi SimBa merupakan BBM digital yang dihasilkan bagi membantu murid sekolah rendah menguasai simpulan bahasa. Nama SimBa merupakan singkatan bagi Simpulan Bahasa. Pembinaan inovasi ini adalah berkonsepkan kartun singa yang bernama Simba dari cerita inggeris bertajuk *The Lion King*. Menggunakan konsep kartun singa, elemen flora dan fauna turun diterapkan dalam pembinaan inovasi ini agar dapat menarik minat murid untuk fokus sewaktu inovasi ini dipraktikkan dalam sesi PdPc. Hal ini kerana, pengajaran yang melibatkan penggunaan BBM Digital berpotensi untuk menarik perhatian murid serta menggalakkan pemikiran kritis mereka dengan bantuan audio dan visual. Manfaat penghasilan inovasi SimBa menyasarkan murid tahap 2 sekolah rendah bagi subjek bahasa Melayu. Lebih-lebih lagi murid tersebut mempunyai masalah pembelajaran dalam topik simpulan bahasa. Secara totalnya, inovasi SimBa merupakan BBM Digital yang dihasilkan dalam aplikasi *PowerPoint* bagi membantu murid tahap 2 menguasai simpulan bahasa.

VISUALS

Gambar di bawah menunjukkan Laman Utama SimBa.




Gambar di bawah menunjukkan nota yang terkandung dalam SimBa.



Gambar di bawah menunjukkan sesi pembelajaran menggunakan slaid interaktif tentang simpulan bahasa.



Gambar di bawah menunjukkan soalan latihan pengukuhan serta manual penggunaan (video) dalam SimBa.



NOVELTI DAN KEUNIKAN

Inovasi digital SimBa memiliki keunikannya yang tersendiri iaitu melalui pendekatan interaktif yang diterapkan. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan penglibatan murid dalam proses PdPc, tetapi juga memperkukuh penguasaan mereka dalam berbahasa khususnya dalam penggunaan simpulan bahasa. Keunikan SimBa terletak pada keupayaannya mencipta ruang pembelajaran yang menyeronokkan melalui permainan dan aktiviti yang menarik. Ciri-ciri ini membolehkan murid menguji kefahaman mereka secara langsung, selari dengan konsep pembelajaran aktif yang menekankan interaksi berterusan. Secara tidak langsung, daya

e-ISBN: 978-967-0033-31-0

pemikiran kritis murid turut diasah secara optima. Menurut Nur Alina dan A Wathon (2019), pembelajaran yang baik dan berkesan ialah pembelajaran yang melibatkan gamifikasi yang menyeronokkan, interaktif dan mencabar, sekaligus berupaya memotivasikan murid untuk terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran. Inovasi SimBa berjaya memenuhi ciri-ciri inovasi yang berkualiti khususnya sebagai alat yang berkesan dalam mewujudkan pembelajaran yang lebih bermakna dan menarik minat murid.

MANFAAT

Inovasi digital seperti SimBa memberikan pelbagai kelebihan dalam PdPc terutama sekali dalam meningkatkan penglibatan murid, kawalan kelas dan reka bentuk pengajaran. Menerapkan elemen yang bercirikan pembelajaran interaktif, inovasi SimBa menggalakkan murid untuk terlibat secara aktif dalam mempelajari simpulan bahasa, meningkatkan perbendaharaan simpulan bahasa dan pemahaman mereka terhadap simpulan bahasa. Pendekatan ini juga menarik minat murid, menjadikan proses pembelajaran lebih menyeronokkan dan kondusif, membantu guru mengawal kelas dengan lebih baik. Murid yang terlibat secara aktif cenderung untuk berdisiplin dan berinteraksi dengan baik dalam kelas, sekaligus memudahkan guru mengawal suasana pembelajaran tanpa gangguan yang berlebihan. Pengintegrasian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam SimBa selari dengan kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan kecenderungan murid masa kini yang lebih cenderung kepada bahan digital. Melalui pendekatan ini, murid dapat menguasai simpulan bahasa dengan lebih berkesan berbanding menghafalnya. Elemen didik hibur ini juga menjadikan PdPc lebih menyeronokkan dan interaktif yang menggantikan kaedah "*Chalk and Talk*". Elemen hiburan yang diterapkan melalui teknologi membantu mengurangkan tekanan dalam kalangan murid dan meningkatkan motivasi mereka untuk belajar dengan lebih baik (Mohd Faruze Iberahim dan Norah Md Noor, 2021).

POTENSI KOMERSIAL

Inovasi digital SimBa mempunyai potensi besar dalam pelbagai bidang khususnya bidang pendidikan. Seiring dengan perkembangan teknologi, permintaan terhadap BBM digital semakin meningkat, lebih-lebih lagi selepas terjadinya pandemik *Covid-19*. Disebabkan oleh keistimewaan SimBa yang menyokong pembelajaran bahasa dengan cara yang lebih berkesan dan menarik, Simba mampu membantu pelajar berinteraksi dengan bahan secara dinamik. Kemudian, penghasilan inovasi ini tidak melibatkan kos yang tinggi kerana penggunaan grafiknya terdapat dalam *Canva* dan *Google Image*. Penyimpanan inovasi ini secara *softcopy* juga menyebabkan penggunaan inovasi ini menjadi lebih efisien kerana boleh digunakan pada bila-bila masa. Pengguna hanya perlu muat turun sahaja kandungan fail inovasi dan boleh menggunakannya walaupun tidak mempunyai capaian internet. Inovasi ini mampu menembus pasaran serta berupaya bersaing secara fleksibel dengan inovasi lain kerana keunikan dan standard inovasi SimBa yang mencapai tahap kualiti memuaskan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, projek inovasi SimBa penting dalam membantu guru melaksanakan PdPc yang lebih berkualiti. Hal ini kerana, projek inovasi SimBa menggalakkan murid belajar sambil berhibur melalui multimedia interaktif yang wujud dalam inovasi tersebut. Perkara tersebut secara tidak langsung menggalakkan murid lebih fokus dan meningkatkan keberkesanan PdPc. Sejajar dengan pendapat Norlela Ahmad dan Shamsudin Othman (2020) iaitu aktiviti PdPc hendaklah diberi penekanan supaya menarik perhatian murid secara didik hibur agar mereka menguasai pembelajaran bahasa dengan lebih berkesan. Menurutnya lagi, kaedah didik hibur sememangnya menjadi saranan Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), KPM untuk dipraktikkan sepanjang proses PdPc. Oleh itu, penghasilan inovasi SimBa diharapkan agar

e-ISBN: 978-967-0033-31-0

terus berupaya memberi manfaat kepada pengguna dan penerima khususnya murid sekolah rendah yang sukar memahami simpulan bahasa.

RUJUKAN

Hamsiah Juki & Che Ibrahim Salleh. (2017). Penguasaan Peribahasa Dalam Kalangan Murid Sekolah Kebangsaan. *MAHAWANGSA*. 345. https://myjurnal.mohe.gov.my/filebank/published_article/68922/10.pdf

Mohd Faruze Iberahim & Norah Md Noor. (2021). Amalan Gamifikasi Dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan Guru-Guru Sekolah Rendah di Negeri Johor. *Innovative Teaching And Learning Journal, 3*(2), 8-14.

Norlela Ahmad & Shamsudin Othman. (2020). Penggunaan Kaedah Didik Hibur dalam Pengajaran Kemahiran Membaca Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah. *International Journal of Education and Training*, 6(2), 1-11.

Nur Alina, & Wathon, A. (2019). Pembelajaran aktif melalui alat permainan edukatif. *STAI Miftahul Ula Nganjuk,* 2(2), 29-47.

Rabaah Abdullah, Wan Noorlizawati & Adnan Jusoh. (2021). Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam Subjek Tema "Penjajahan di Asia Tenggara pada Abad ke-19". *Jurnal Perspektif*, Jilid 1 (2), 1-13.